



# KERAJAAN MALAYSIA

---

## Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>ANGGARAN PERBELANJAAN.....</b>	<b>2</b>
<b>PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019.....</b>	<b>4</b>
<b>4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus.....</b>	<b>6</b>
<b>5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.....</b>	<b>7</b>
<b>6. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan.....</b>	<b>10</b>
<b>7. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia.....</b>	<b>10</b>
<b>8. Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi.....</b>	<b>11</b>
<b>9. Penutup.....</b>	<b>11</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>13-17</b>

**ANGGARAN PERBELANJAAN**  
**PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran**  
**Perbelanjaan Persekutuan 2019**

**1. Tujuan**

- 1.1 Tujuan Pekeling ini adalah untuk memberi panduan bagi menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2019.

**2. Senario Ekonomi Dan Fiskal Negara**

- 2.1 Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus berkembang pesat meskipun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu. Berdasarkan momentum kegiatan ekonomi domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang lebih baik, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya.
- 2.2 Bagi 2018, prospek ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan kukuh dengan KDNK diunjur berkembang antara 5 peratus dan 5.5 peratus diterajui oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta prestasi eksport yang lebih baik sejajar dengan perkembangan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang menggalakkan. Perbelanjaan sektor swasta akan terus memacu pertumbuhan disokong oleh dasar pro-pertumbuhan fiskal dan kewangan akomodatif dalam persekitaran inflasi yang stabil. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi diunjur mencatat pertumbuhan positif, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan akan dipacu oleh aktiviti subsektor perdagangan borong dan runcit serta maklumat dan komunikasi. Sektor pembuatan pula dijangka disokong oleh peningkatan industri berorientasikan eksport dan industri domestik yang berdaya tahan.
- 2.3 Meskipun prospek ekonomi dan perdagangan dunia kekal positif, Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran daripada persekitaran luaran yang boleh menjelaskan momentum pertumbuhan ekonomi. Cabaran ini antara lain termasuk, ketidaktentuan dasar negara maju, peningkatan dasar perlindungan, volatiliti pasaran kewangan antarabangsa, perubahan geopolitik antarabangsa dan harga komoditi yang tidak menentu.

- 2.4. Harga minyak mentah global, Brent mencatat purata USD54.40 setong pada 2017 berbanding purata USD44.05 setong pada 2016. Dengan komitmen daripada Pertubuhan Negara-negara Pengekspor Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC untuk menghadkan pengeluaran dunia, harga Brent dijangka berada dalam trend meningkat pada 2018. Pada 12 Februari 2018, harga Brent terus mencatat peningkatan kepada USD 62.40 setong.
- 2.5 Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ekonomi global, Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal negara terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Bagi tujuan ini, di bawah Program Transformasi Fiskal, Kerajaan terus melaksanakan inisiatif Pembaharuan Kewangan Awam yang merangkumi langkah menambah baik institusi dasar fiskal, mengukuhkan pentadbiran dan meningkatkan pematuhan cukai, mengoptimum perbelanjaan serta memantapkan pengurusan dan kawalan bajet untuk memperkuuh kedudukan kewangan dan menyokong kestabilan makroekonomi negara. Selain itu, Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (*Medium-Term Fiscal Framework*) terus menjadi mekanisme perancangan utama Kerajaan untuk memacu langkah konsolidasi fiskal.
- 2.6 Hasil Kerajaan pada tahun 2018 dianggar meningkat selaras dengan aktiviti ekonomi yang menggalakkan dan persekitaran perniagaan yang memberangsangkan. Jangkaan peningkatan hasil ini disumbangkan oleh kutipan hasil cukai yang lebih tinggi berikutan usaha menambah baik pentadbiran dan meningkatkan pematuhan cukai. Selain itu, Kerajaan akan menyemak semula insentif pencukaian dengan memberi tumpuan kepada sektor ekonomi yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi. Walaupun hasil Kerajaan dianggar lebih tinggi, pertumbuhan dalam perbelanjaan juga perlu dikawal khususnya perbelanjaan mengurus supaya baki akaun semasa fiskal sentiasa positif. Kerajaan akan menguruskan perbelanjaan awam mengikut kemampuan dan perbelanjaan akan ditumpukan kepada program dan projek yang berpaksikan rakyat serta berimpak tinggi. Oleh itu, perancangan perbelanjaan bagi tahun 2019 hendaklah mengambil kira langkah mengoptimumkan perbelanjaan, antaranya melalui pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal, semakan semula keperluan sebenar pengisian jawatan dan bilangan perjawatan, mengkaji semula program serta fungsi dan skop jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi mengurangkan pertindihan serta memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat, tanpa menjaskan penyampaian perkhidmatan awam.

- 2.7 Paras defisit fiskal bagi tahun 2017 telah mencatat 3 peratus daripada KDNK dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Setelah mengambil kira anggaran peningkatan hasil yang selari dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi serta keperluan perbelanjaan awam, paras defisit fiskal bagi tahun 2018 disasarkan pada 2.8 peratus daripada KDNK. Paras defisit ini akan dikurangkan secara berperingkat selaras dengan usaha konsolidasi fiskal ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada tahun 2020. Langkah ini juga adalah untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terkawal dan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK bagi menyediakan ruang fiskal untuk melindungi ekonomi negara daripada kesan negatif ketidaktentuan ekonomi global pada masa hadapan. Pengukuhan kedudukan fiskal penting bagi memastikan kemampaman fiskal jangka panjang negara supaya penarafan kredit berdaulat negara berada pada kedudukan yang lebih baik dan tidak menjaskan keyakinan para pelabur.
- 2.8 Kejayaan Malaysia dalam melaksanakan pelbagai program transformasi telah banyak membawa perubahan pada lanskap ekonomi negara termasuk keupayaan mengekalkan pertumbuhan melalui kepelbagaian struktur ekonomi dan meningkatkan daya saing. Penekanan terhadap pencapaian outcome berimpak tinggi, peningkatan produktiviti, inovasi dan kreativiti melalui automasi dan ekonomi digital; dan pemerkasaan usahawan kecil dan sederhana akan terus diperkuuhkan pada 2019. Selain itu, negara juga berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan Revolusi Perindustrian 4.0 yang menghasilkan pembuatan pintar dalam proses pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti, pulangan pelaburan, gabungan teknologi dan megatrend industri. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat bertambah baik melalui penyertaan aktif dalam proses pembangunan ekonomi negara. Hal ini menunjukkan Kerajaan dan rakyat seiring dalam mencapai kemajuan negara sekaligus dapat mencapai sasaran negara maju yang inklusif dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 serta menggandakan ekonomi kepada RM2 trilion menjelang 2025.

### **3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019**

- 3.1 Tahun 2019 adalah tahun keempat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kerajaan komited untuk meneruskan agenda pembangunan negara di bawah enam (6) Teras Strategik Nasional. Kerangka keberhasilan kementerian bagi tahun 2019 hendaklah menumpu kepada *core business* dan sumbangan kementerian/jabatan/agensi kepada keutamaan nasional dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 3.1.1 Analisis masalah/keperluan yang dihadapi oleh pelanggan/stakeholder adalah menyeluruh;
  - 3.1.2 Outcome yang hendak dicapai adalah munasabah dan dapat menangani masalah/keperluan pelanggan/stakeholder serta boleh diukur menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*) yang bersesuaian;
  - 3.1.3 Outcome yang dikenalpasti adalah sejajar dengan outcome peringkat nasional di bawah RMKe-11;
  - 3.1.4 Isu *cross-cutting* yang melibatkan pertindihan program dan perkongsian outcome (*shared outcome*) kementerian/jabatan/agensi ditangani sebaik mungkin berpandukan kepada punca kuasa dan bidang kuasa kementerian/jabatan/agensi; dan
  - 3.1.5 Semakan semula atau penilaian formatif ke atas setiap program hendaklah dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya dalam mencapai matlamat program berkenaan.
- 3.2 Kementerian/jabatan/agensi perlu menyediakan kerangka keberhasilan yang merangkumi tiga (3) dokumen strategik iaitu Ringkasan Eksekutif Kementerian (MES), Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF) dan Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF). Setiap APMF hendaklah disertakan dengan Lembaran Bajet Aktiviti (ABS) yang memperincikan cadangan anggaran perbelanjaan bagi mencapai keberhasilan yang dirancang.
  - 3.3 Maklumat kerangka keberhasilan bagi tahun bajet 2018 boleh digunakan semula bagi tujuan penyediaan bajet 2019. Walau bagaimanapun, penambahbaikan data/maklumat bagi kerangka keberhasilan di setiap peringkat khususnya data mengenai profil pelanggan/stakeholder dan masalah/keperluan perlu disemak semula bagi disesuaikan dengan perkembangan semasa. Sekiranya tiada perubahan berlaku ke atas profil berkenaan, kenyataan outcome sedia ada perlu dikekalkan dan kementerian/jabatan/agensi dikehendaki menyemak semula sasaran prestasi bagi setiap KPI agar selaras dengan keutamaan dan perancangan tahun 2019.

- 3.4 Cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2019 hendaklah disediakan berdasarkan kerangka keberhasilan yang dipersetujui dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
- 3.4.1 keutamaan dalam melaksanakan *core business* kementerian/jabatan/agensi agar sejajar dengan kerangka keberhasilan yang dipersetujui;
  - 3.4.2 keperluan peruntukan bagi program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dan dasar-dasar semasa Kerajaan lain;
  - 3.4.3 keperluan dan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi untuk melaksanakan program/projek/aktiviti bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan secara optimum dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran; dan
  - 3.4.4 membuat perancangan perolehan yang teliti agar setiap peruntukan yang dipohon adalah benar-benar diperlukan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan dibelanjakan secara berhemat
- 3.5 Kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi dan cadangan anggaran perbelanjaan 2019 hendaklah disediakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1: "Bajet Berasaskan Outcome (OBB)". Pegawai Pengawal, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti adalah bertanggungjawab (*accountable*) ke atas maklumat prestasi dalam MES, PPMF dan APMF serta anggaran perbelanjaan yang dipohon.

#### 4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus:
- 4.1.1 Perbelanjaan mengikut keutamaan program yang menyumbang secara signifikan kepada outcome nasional;
  - 4.1.2 Mengelakkan pertindihan fungsi dalam kementerian/jabatan/agensi;

- 4.1.3 Mengambil kira secukupnya emolumen termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
  - 4.1.4 Mengambil kira perbelanjaan komited lain terutamanya yang berkontrak;
  - 4.1.5 Memberi keutamaan kepada penyenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan; dan
  - 4.1.6 Mengambil kira perspektif dan keperluan gender secara menyeluruh dalam membuat analisis masalah/keperluan pelanggan/stakeholder bagi menentukan outcome dan sasaran KPI. Kementerian/jabatan/agensi perlu mengemaskini data yang berkaitan dari masa ke semasa bagi membantu proses perancangan, penyediaan bajet, pemantauan dan pelaporan prestasi, serta penilaian program. Manual berhubung pendekatan *responsive* gender disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertanggungjawab bagi memantau perkara berkaitan gender.
- 4.2 Dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019, keperluan Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One-Off Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah tertakluk kepada siling indikatif yang dikeluarkan oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.
  - 4.3 Cadangan Dasar Baru (termasuk peluasan kepada Dasar Sedia Ada) dan One-Off yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan Kerajaan/agensi pusat dan keperluan kewangan yang berbangkit hendaklah terangkum dalam had siling indikatif yang diberikan. Justru, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah menyusun semula keutamaan program/projek/aktiviti sedia ada bagi memberi ruang kepada pelaksanaan Dasar Baru atau One-Off yang dicadangkan.

## 5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

- 5.1 Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-11 sedang disediakan bagi meneliti pencapaian dan penilaian bagi semakan semula sasaran, strategi, inisiatif, program dan projek pembangunan dengan mengambil kira agenda *Sustainable Development Goals* 2030 yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar serta mengenal pasti penambahbaikan bagi mencapai matlamat pembangunan serta pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan. Kementerian/jabatan/agensi perlu merujuk kepada

**Garis Panduan Penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas** yang telah diedarkan menerusi surat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) rujukan UPE(S)12-11/14/5 Jld.2(11) bertarikh 18 Disember 2017.

- 5.2 Penyediaan cadangan projek baharu bagi *Rolling Plan Keempat* (RP4) oleh kementerian/jabatan/agensi hendaklah selaras dengan matlamat, sasaran, strategi dan outcome nasional seperti yang telah digariskan dalam dokumen RMKe-11. Kementerian/jabatan/agensi wajar memberi keutamaan kepada keperluan Revolusi Perindustrian 4.0 dan juga projek pemacu perubahan (*game changer*) yang merupakan pendekatan yang inovatif bagi mempercepat pembangunan Malaysia seperti yang telah digariskan dalam RMKe-11. Semasa penyediaan projek RP4, kementerian/jabatan/agensi juga perlu memberi keutamaan kepada **projek sambungan, projek yang mendapat kelulusan khas Kerajaan dan projek yang telah diluluskan secara berfasa**. Setiap projek baharu yang dimohon akan dinilai keutamaannya berdasarkan kepada *Creativity Index* (CI).
- 5.3 Bagi memastikan perancangan projek baharu RP4 diuruskan secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan (*stakeholders*) di peringkat negeri dan keperluan sebenar kumpulan sasar, kementerian/kerajaan negeri perlu mengambil tindakan seperti berikut:
- 5.3.1 Kementerian berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing, termasuk di peringkat negeri;
- 5.3.2 Kementerian hendaklah membincangkan senarai projek baharu RP4 dengan Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg) untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri dan bagi tujuan penyelarasaran komitmen pihak berkuasa tanah, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti; dan
- 5.3.3 Kerajaan Negeri perlu mengemukakan cadangan keutamaan projek negeri kepada kementerian berkaitan melalui Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) atau Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan (PPPN/JPP) masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan kepada UPE, JPM.
- 5.4 Bagi memudahkan pemantauan projek fizikal dan memastikan perbelanjaan yang lebih telus, projek-projek satu baris (*one line item projects*) tidak lagi dibenarkan. Setiap projek hendaklah mempunyai butiran tersendiri.

- 5.5 Kementerian/jabatan/agensi diminta untuk menggunakan stok tanah dalam bank tanah masing-masing dan mengelakkan daripada memohon perolehan tanah baharu. Tindakan ini bukan sahaja dapat memastikan tanah sedia ada Kerajaan digunakan secara optimum, malahan dapat mengurangkan kos perolehan tapak baharu. Bagi permohonan projek baharu RP4, kementerian/jabatan/agensi perlu memastikan tiada isu tapak/tanah projek seperti setinggan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai. Tapak/tanah perlu dinamakan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dalam geran (projek bangunan) dan Borang K (projek jalan) serta memperoleh pengesahan pihak Pejabat Tanah Galian (PTG) bahawa tapak bebas bebanan dan sedia dimasuki.
- 5.6 Kementerian/jabatan/agensi perlu memastikan elemen ketersediaan pelaksanaan projek (*implementation readiness*) diambil kira semasa permohonan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan segera. Ketersediaan projek hendaklah mengambil kira keperluan yang perlu disegerakan bagi kerja awalan seperti penentuan agensi pelaksana, ketersediaan tapak projek, brief projek dan persediaan makmal pengurusan nilai berdasarkan kepada Pekeliling UPE, JPM Bil. 1 Tahun 2015.
- 5.7 Kementerian/Jabatan/Agensi perlu mengambilkira pengurusan kos pengalihan dan pemasangan utiliti dengan merujuk kepada Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program/Projek Kerajaan Bil.1 Tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) sebagai panduan.
- 5.8 Semua permohonan projek RP4 perlu dikemukakan secara online melalui modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) selewat-lewatnya pada 31 Mac 2018.
- 5.9 Selaras dengan mekanisme kawalan pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan Persekutuan yang berkuatkuasa pada 15 September 2016, kementerian/jabatan/agensi perlu mengambil perhatian terhadap peraturan sedia ada iaitu:
  - 5.9.1 memastikan kesemua projek Kerajaan dilaksanakan mengikut skop, keutamaan dan kos projek asal yang telah diluluskan oleh UPE, JPM dan Kementerian Kewangan;
  - 5.9.2 semua Arahan Perubahan Kerja (VO) yang melibatkan pertambahan kos perlu ditangguhkan kecuali dalam keadaan yang dibenarkan; dan

- 5.9.3 memastikan yuran perkhidmatan perunding kekal (*at a Fixed Consultant Fee*) sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap)

## 6. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan

- 6.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan secara rasmi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2019 kementerian/jabatan/agensi masing-masing kepada Perbendaharaan dengan membuat pengesahan (*sign-off*) secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui URL [www.myresults.gov.my](http://www.myresults.gov.my).
- 6.2 Pengesahan oleh Pegawai Pengawal perlu disempurnakan dalam tempoh **15 hingga 20 April 2018** seperti yang ditetapkan dalam **Kalendar Aktiviti Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Kementerian/Jabatan/Agensi Bagi Tahun 2019** seperti di **Lampiran A**.

## 7. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia

- 7.1 Bagi mengoptimumkan perbelanjaan awam, penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam perlu diurus secara cekap dengan mengamalkan prinsip *doing more with less* yang menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif. Pengoptimuman sumber manusia akan dilaksanakan dengan memastikan setiap penjawat awam yang dipertimbangkan untuk mengisi sesuatu perjawatan adalah kompeten dan keupayaannya dapat dimanfaatkan untuk memberikan impak maksimum kepada organisasi, kerajaan dan rakyat.
- 7.2 Dasar pengoptimuman sumber manusia perkhidmatan awam diteruskan dengan memperketatkan pewujudan jawatan baharu tanpa sebarang implikasi kewangan tambahan melalui:
- 7.2.1 kaedah tukar ganti (*trade off*);
  - 7.2.2 pindah butiran (*redeployment*);
  - 7.2.3 penjajaran jawatan melalui perluasan skop fungsi teras;
  - 7.2.4 pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai; dan

7.2.5 penguatkuasaan peraturan bahawa setiap permohonan perjawatan baharu perlu disertakan dengan *Job Description* yang lengkap.

## 8. Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi

8.1 Laporan bajet program dan prestasi tahun 2019 akan meliputi prestasi sebenar kementerian tahun 2017 dan sasaran pencapaian tahun 2018 dan 2019. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pemantauan prestasi dibuat berdasarkan struktur Program-Aktiviti di bawah OBB yang telah dikemaskini dan dipersetujui. Pelaporan prestasi tersebut perlu disediakan mengikut **Garis Panduan Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun 2019** seperti di **Lampiran B**.

## 9. Penutup

- 9.1 Cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti berdasarkan *core business* dan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi mengikut susunan keutamaan program/projek/aktiviti. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan prestasi dibuat berdasarkan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi dalam menjana output yang berkualiti dan seterusnya mencapai outcome yang dikehendaki.
- 9.2 Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan secara terarah dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 9.3 Pegawai Pengawal juga dikehendaki memberi perhatian serius kepada teguran audit dan mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki kelemahan serta memastikan ketidakpatuhan/kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.
- 9.4 Pegawai Pengawal perlu meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai kementerian/jabatan/agensi masing-masing agar pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan awam mencapai kualiti yang ditetapkan disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, serta memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan.
- 9.5 Pegawai Pengawal turut diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan tunai dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Sehubungan itu, unjurran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah disediakan dengan teliti dan lebih tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi

pelaksanaan sesuatu Program atau Aktiviti tahun semasa. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengemukakan **Unjuran Keperluan Aliran Tunai Tahun 2019** sebelum **31 Disember 2018** berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan yang dikemukakan kepada Parlimen.

**LAMPIRAN A**

**KALENDAR AKTIVITI PENYEDIAAN  
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN/AGENSI  
BAGI TAHUN 2019**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI / TINDAKAN</b>	<b>TARIKH AKHIR</b>
1.	Surat makluman Perbendaharaan kepada kementerian/agensi mengenai siling <i>indicative</i>	<b>15 Mac 2018</b>
2.	Permohonan projek RP4 dikemukakan secara <i>online</i> melalui modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	<b>31 Mac 2018</b>
3.	Pengesahan ( <i>sign-off</i> ) Pegawai Pengawal secara dalam talian ( <i>online</i> ) bagi kerangka keberhasilan dan cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2019	<b>15 – 20 April 2018</b>
4.	Penyampaian Laporan Bajet Program dan Prestasi untuk Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2019 kepada Perbendaharaan (Pejabat Belanjawan Negara)	<b>29 Jun 2018</b>
5.	Penyampaian Unjuran Keperluan Aliran Tunai tahun 2019	<b>31 Disember 2018</b>

**LAMPIRAN B****GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI TAHUN 2019****Tujuan**

1. Kertas ini menetapkan garis panduan bagi penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang akan digunakan sebagai input untuk buku Bajet Persekutuan. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memastikan agar laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan dan format yang ditetapkan sebelum mengemukakan kepada Perbendaharaan.

**Kegunaan Laporan Bajet Program dan Prestasi**

2. Laporan Bajet Program dan Prestasi yang dimasukkan ke dalam buku Bajet Persekutuan adalah sebagai sumber maklumat mengenai Program dan Aktiviti setiap kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Laporan ini dapat membantu Ahli Parlimen untuk memperoleh maklumat serta penerangan terperinci mengenai Program dan Aktiviti utama kementerian/jabatan/agensi.

3. Selain itu, laporan ini boleh juga digunakan oleh kementerian/jabatan/agensi sebagai bahan rujukan untuk mengetahui struktur dan kegiatan Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi yang lain. Maklumat berkenaan dapat menggalakkan kerjasama dan integrasi kerja di antara kementerian/jabatan/agensi serta membantu usaha untuk mengesan dan mengelak pertindihan Program dan Aktiviti antara kementerian/jabatan/agensi selaras dengan dasar penjimatan yang diamalkan oleh Kerajaan.

4. Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Bajet Program dan Prestasi juga adalah penting kerana penekanannya terhadap prestasi yang berdasarkan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk membuat penilaian awal terhadap prestasi keseluruhan kementerian/jabatan/agensi dengan merujuk kepada data perbandingan *outcome* utama untuk tiga (3) tahun.

**Format Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi**

5. Penerangan mengenai setiap aspek laporan untuk Laporan Bajet Program dan Prestasi adalah seperti berikut:

5.1 **Visi:** Satu pernyataan rasmi tentang apa yang hendak dicapai oleh kementerian/ jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.

- 5.2 **Misi:** Satu pernyataan rasmi tentang matlamat kementerian/jabatan/agensi merangkumi tujuan kewujudan jabatan/agensi skop operasi dan mekanisme pelaksanaan.
  - 5.3 **Pelanggan kementerian/jabatan/agensi:** Pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi.
  - 5.4 **Prestasi Outcome Kementerian/Program:** Pelaporan pencapaian Outcome Kementerian/Program menggunakan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.
  - 5.5 **Outcome kementerian/jabatan/agensi:** Perubahan atau kesan yang dibawa kepada masalah utama atau keperluan yang dikaitkan dengan pelanggan atau stakeholder.
  - 5.6 **Petunjuk Prestasi Utama (KPI):** Maklumat yang digunakan untuk mengukur pencapaian outcome.
  - 5.7 **Program dan Aktiviti:** Struktur Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi adalah berdasarkan kepada pendekatan OBB. Program merupakan intervensi terancang bagi mencapai *outcome*. Aktiviti merupakan entiti yang menyumbang kepada pencapaian *outcome* sesuatu Program.
  - 5.8 **Fungsi Aktiviti:** Menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan.
6. Format asas serta garis panduan bagi menyediakan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi bagi Buku Bajet Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B1**.

**LAMPIRAN B1**

- VISI:** (Apa yang hendak dicapai oleh kementerian/jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.)
- MISI:** (Matlamat kementerian/jabatan/agensi yang merangkumi tujuan kewujudan kementerian/jabatan/agensi, skop operasi dan mekanisme pelaksanaan)
- PELANGGAN:** (Senarai pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi)

**KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN****PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN**

**OUTCOME n:** (Senarai *outcome* kementerian/jabatan/agensi)

Petunjuk Prestasi Utama (Sasaran)	2017 (Sasaran)	2018 (Sebenar)	2019 (Sasaran)
---	-------------------	-------------------	-------------------

**PROGRAM n:** (Nama Program di bawah pendekatan OBB)

**PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

**OUTCOME n:** (Senarai *outcome* Program)

Petunjuk Prestasi Utama (Sasaran)	2017 (Sasaran)	2018 (Sebenar)	2019 (Sasaran)
---	-------------------	-------------------	-------------------

**Aktiviti n:** (Senarai Aktiviti di bawah Program OBB)

**Fungsi:** (Fungsi Aktiviti menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan)

.....  
(Tandatangan Pegawai Pengawal)

### **Penyampaian Laporan Kementerian/Jabatan/Agenzi**

7. Satu salinan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dan ***hard-copy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri** kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Perbendaharaan Malaysia  
Pejabat Belanjawan Negara  
Aras 6, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
(u.p.: Pegawai Pemeriksa Belanjawan [BRO])

Laporan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat daripada 29 Jun 2018.**